

Bab 11 _____

SEJARAH PENYEBARAN ISLAM DI KEPULAUAN MELAYU

Islam merupakan agama sejagat. Kesejagatannya terhasil dalam banyak aspek atas landasan tasawuf, iaitu cahaya hakiki Islam. Islam berkembang akibat pendakwaan para Sufi yang menjelajah ke pelusuk nagara-negara bukan Islam. Adalah contoh-contoh yang menarik oleh para Zahid dan Syeikh-syeikh Tariqah, yang menguasai bahasa manusia yang berada di sekitar mereka, yang menawan begitu ramai penganut Hindu dan orang-orang Melayu ke penghayatan Islam.

Telah banyak teori dipersembahkan oleh para sejarawan mengenai kemasukan Islam di rantau ini, sama ada dari India, Cina mahupun Arab. Begitu juga cara kemasukannya yang dikaitkan dengan perdagangan, perkahwinan, pendakwaan, melalui peranan pembesar-pembesar dan juga peperangan.

Pada tahun 1436M, Parameswara, yang meneraju kerajaan Melaka, telah memeluk Islam dan digelar Sultan Megat Iskandar Syah. Beliau berjaya membebaskan Melaka dari penjajahan Cina sejak 1402M. Melaka kemudian menguasai jalan perdagangan di seluruh kepulauan Melayu dan pada tahun 1500M, Melaka telah terbina sebagai sebuah pusat dagangan terulung di Asia Tenggara, dan semua pelabuhan di pesisir barat nusantara berpusat di Melaka. Terpenting di antara pelabuhan-pelabuhan itu adalah di pesisir utara Jawa yang penduduknya pada masa itu masih berfahaman Hindu.

Kerajaan Majapahit pula buat masa itu telah hampir runtuh. Peperangan saudara meletus dari 1402M hingga 1406M yang membantu kejatuhan kerajaan Majapahit. Mengambil kesempatan itu, penguasa-penguasa di pesisir Jawa menuntut kemerdekaan dari Majapahit dan Pajajaran. Perkahwinan-perkahwinan di antara pedagang-pedagang Islam dengan keluarga bangsawan tempatan menguatkan tali persaudaraan dengan Melaka. Maka terbukalah pintu-pintu tanah Jawa kepada Islam. Ibn Bathuta pernah menyebut seorang ahli Sufi dari Indonesia, Syeikh Abu Mas'ud Abdullah bin Mas'ud Al Jawi, yang diketemui di Aden, Yaman pada 1328M. Terbukti, Islam dan pergerakan Sufi telah bertapak di Jawa pada waktu itu mungkin dengan perantaraan pedagang-pedagang dan orang-orang bangsawan.

Islam membawa bersamanya pengajaran tasawuf yang mementingkan hidup kasih sayang dan zuhud. Konsep persamaan taraf manusia pula memberi harapan kepada golongan bawahan yang tertekan dalam system kasta Hindu. Pengenalan seni dalam tasawuf membantu menyemarakkan perkembangan Islam di kalangan bangsa Jawa. Ini kerana orang-orang Jawa memberi penghargaan tinggi terhadap seni. Wali-wali di masa itu, yang dikenali sebagai Wali Sembilan atau Wali Songo, tahu benar tentang kecenderungan tersebut dan memanfaatkannya untuk faedah Islam.

PERKEMBANGAN TARIQAH DI TANAH MELAYU

Tarikh yang tepat pengenalan Tasawuf di kalangan bangsa Melayu tidak dapat ditentukan, namun sejarawan Snouck Hurgronje yakin fahaman berbentuk kerohanian telah dikemukakan pada waktu yang sama dengan kemasukan Islam di kepulauan Melayu. Penyebaran Islam secara besar-besaran dan akhirnya kemapanan Islam di kepulauan Melayu mungkin bukan dilaksanakan oleh kaum pedagang seperti yang dipercayai oleh sesetengah sejarawan. Terdapat bukti-bukti tinggalan sejarah,

golongan sufilah yang bertanggungjawab menyerapkan Islam di kalangan bangsa Melayu. Dalam masa kurang dari setengah abad setelah Melaka purba menerima Islam, para ulama kerajaan tersebut sudahpun berkemampuan mengemukakan kemusykilan agama kepada ulama Pasai. Soalan-soalan yang berbentuk hukum itu juga diselip dengan unsur kerohanian. Tidaklah mungkin kemusykilan tersebut dapat dikemukakan sekiranya pengenalan Islam di Tanah Melayu tidak dipelopori oleh golongan sufi.

Pertapakan tasawuf telah benar-benar diterap di Melaka seawal tahun 1488M atas dasar Sultan Melaka sendiri berguru dengan seorang ahli tariqah. Kepastiannya adalah tasawuf dan tarekat telah mapan di rantau ini, terutama di Sumatra, di antara abad ke 15M dan 16M kerana pada ketika itu lagi telah muncul peribadi-peribadi sufi di tengah masyarakat. Ini boleh ditinjau dari apa yang diakui oleh Hamzah Fansuri yang berasal dari Barus, Sumatra, bahawa beliau adalah dari golongan Tariqah Qadiriyyah dan, sebagai peribadi terkemuka, beliau sudah pasti mempunyai para pengikut yang ramai.

Di kalangan masyarakat Melayu, Hamzah Fansuri merupakan seorang sufi terulung. Tambahan pula beliau telah mengembara jauh ke Timur Tengah dan Timur Jauh dan menguasai bahasa Arab dan Farsi. Karya-karya beliau tidak syak lagi bermirip dan dipengaruhi oleh Ibnul' Arabi.

Dalam perkembangan Islam pada abad ke 9M dan 10M, pendidikan tasawuf disesuaikan dengan suatu kaedah peradaban akhlak untuk tujuan memberi panduan amalan yang dijalani secara individu. Walaubagaimana pun dari abad ke 11M dan seterusnya, apabila masyarakat sufi mula terbentuk sejajar dengan perkembangan Islam, sistem-sistem amalan dan latihan rohani dikemukakan sebagai peradaban kehidupan masyarakat. Pada permulaan terdapat 14 aliran tariqah dikenalkan dari abad ke 12M hingga 16M. Sehingga hari ini, dikatakan masih terdapat 76 cabang tariqah dari 22 tariqah induk di Malaysia, Selatan Thailand dan Singapura.

Dari kenyataan sejarah, boleh dikatakan pergerakan tarekat telah mapan selepas 74 tahun pemeluk Islam Parameswara dalam tahun 1414M. Seawal 1488M, kehadiran guru-guru sufi atau *Makhdum* telah dikenalpasti dan pengaruh mereka juga dapat dirasakan. Dalam pelayarannya Hamzah Fansuri singgah di Pahang umpamanya. Sudah tentu pula keperibadian seperti Hamzah Fansuri dapat menarik satu lingkungan pengikut yang bukan kecil. Namun pengaruh kemasukan tariqah itu lebih kerap datangnya dari Mekkah melalui jemaah yang pulang dari mengerjakan ibadah haji dan para pendakwah Arab dan India. Kajian Profesor Syed Naguib al Attas menemukan 9 tariqah yang masih terdapat di rantau ini, iaitu Qadiriyyah, Naqsyabandiyyah, Rifa'iyah, Syadzliyyah, Chistiyyah, Syattariyyah, Ahmadiyyah Idrisiyyah, Tijaniyyah dan 'Alawiyyah.

Di antara 9 tariqah tersebut, boleh dikatakan hanya tiga yang benar-benar luas tersebar di kalangan masyarakat Melayu dan mempunyai pengikut yang teramai, iaitu Qadiriyyah, Naqsyabandiyyah dan Ahmadiyyah Idrisiyyah.

Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyyah yang terdapat dirantau ini adalah penggabungan Tariqah Qadiriyyah dan Tariqah Naqsyabandiyyah yang dikenal sebagai Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyyah (TQN). Ia diasaskan oleh Syeikh Ahmad Khatib ibn Abdul Ghaffar as Sambasi yang berasal dari daerah Sambas, Kalimantan Barat. Beliau merupakan seorang ulama besar yang mengajar di Masjidil Haram, Mekkah. Selain dianggap sebagai pemimpin tertinggi Tariqah Qadiriyyah di Mekkah pada pertengahan abad ke 19M, menurut Profesor Naguib al-Attas, beliau juga seorang syeikh Tariqah Naqsyabandiyyah.

Tariqah ini mendapat penerimaan besar dari masyarakat Indonesia dengan jasa awal oleh Syeikh Abdul Karim dari Banten. Dialah yang diangkat oleh gurunya, Syeikh Ahmad Khatib as Sambasi, meninggal dunia dalam tahun 1875M, untuk mengganti kedudukan sebagai pemimpin tertinggi Tariqah Qadiriyyah

Naqsyabandiyah di Mekkah pada tahun 1876M. Beliau pulang ke Banten pada tahun 1870-an.


Waktu ini terdapat lima pesantren di Indonesia yang menjadi pusat penyebaran TQN. Antara yang terkenal adalah Pesantren Suryalaya yang didirikan oleh Syeikh Abdullah Mubarak ibn Nur Muhammad pada tahun 1905M. Beliau menerima TQN dari gurunya, Syeikh Ahmad Tholha di Ceribon yang menerimanya langsung daripada Syeikh Ahmad Khatib as Sambasi. Pimpinan Pesantren Suryalaya dan TQN kemudian diserahkan kepada puteranya, Syeikh Ahmad Shahibulwafa Tajul 'Arifin, terkenal dengan sebutan Abah Anom hingga hari ini. Pada masa kepimpinan Abah Anom TQN tersebar luas ke seluruh Indonesia, malah sampai ke pelbagai negara Asean, seperti Singapura, Malaysia dan Brunei dan di Eropah seperti Denmark, Kanada, Australia, Peru dan Mesir.

Di Singapura pula TQN telah mula bergiat sejak tahun 1975M. Di Singapura, TQN dari Pesantren Suryalaya telah juga mengemukakan antara usaha kemasyarakatan yang dilaksanakan ialah khidmat pemulihan penagihan dadah di kalangan pemuda Melayu, yang dikenal dengan kaedah Inabah di Masjid Khadijah. Inabah ialah satu kaedah yang melatih penagih-penagih menjalani amalan zikrullah selain mengutamakan pelaksanaan fardhu 'ain.

Terdapat juga cabang-cabang TQN di Singapura yang didatangkan dari Surabaya di bawah pimpinan Kiyai Haji Uthman Al Ishaqi yang dijalankan sekarang oleh penerusnya. Sebagai contoh umum, disertakan di sini carta silsilah TQN dari Syekh Ahmad Khatib as Sambas. *(sila lihat muka sebelah)*

Terdapat juga cabang Tariqah Qadiriyyah yang dikenali sebagai Tariqah Qadiriyyah Sammaniyah. Tariqah ini juga mendapat penerimaan yang baik dengan pengikut yang ramai juga.

Sheikh Ahmad Khatib Sambas



Sejarah tidak dapat memastikan siapa yang pertama mengenalkan Tariqah Naqsyabandiyyah di Tanah Melayu. Pada anggaran sejarah, mungkin ia memasuki daerah ini antara pertengahan abad ke 17M dengan permulaan abad ke 18M. Perkembangan Tariqah Naqsyabandiyyah juga pesat dan terdapat pergerakannya di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia dan di Singapura.

Di Singapura, Tariqah Naqsyabandiyyah yang boleh dikatakan terkemuka ialah yang didatangkan oleh Syeikh Hisham Kabbani yang bermukas di Amerika Syarikat.

Tariqah Ahmadiyyah Idrisiyyah dikatakan pertama diperkenalkan, mengikut keterangan salah seorang syeikhnya, di Tanah Melayu pada tahun 1895M di Negeri Sembilan. Tarekat ini diasaskan oleh Syed Ahmad ibn Idris (w. 1837M) yang berasal dari Maghribi. Boleh dikatakan Tariqah Ahmadiyyah mempunyai pengikut yang ramai hingga masa ini. Mengikut Profesor Naguib al Attas, tariqah ini bermula di rantau ini pada tahun 1899M. Ia juga mendapat penerimaan yang baik oleh masyarakat Melayu Singapura.

Terdapat juga beberapa tarekat lain seperti Qadiriyyah, Chistiyyah, Rifa'iyyah, dan Munfaridhiyyah yang masih bergiat dan menjalankan amalan-amalannya di Singapura.

Selain itu pergerakan berkumpulan yang lebih mengutamakan amalan ratib juga masih luas diamalkan oleh masyarakat Islam Singapura. Di antara aurad atau ratib yang terkenal ialah Ratib al Haddad dan Ratib al Attas yang dibawa masuk oleh para sufi dari Hadramaut, dan Aurad Muhammadiyyah dan aurad-aurad yang lain.

PERKEMBANGAN TARIQAH DI MASA KINI

Terlihat semacam paradoks dalam perkembangan tamadun dunia hari ini. Di satu pihak menampilkan kemajuan dalam bidang ilmu pengetahuan yang begitu cepat dan pesat hingga manusia itu

berani membincangkan kemungkinan ketidakterbatasan dalam perkembangan lahiriah atau materialistik. Di pihak yang lain pula, manusia merasa takut dengan kesan kemajuan yang dilakukan mereka sendiri. Krisis teknologi dan ekologi umpamanya menghadapkan manusia itu dengan satu kegerunan bahawa mereka harus menanganai malapetaka-malapetaka kesan ciptaan mereka dengan berkesan sekiranya mereka mahu mengelak dari kehancuran umat manusia itu sendiri.

Secara singkat boleh diertikan bahawa kemajuan kebendaan itu selalunya diikuti dengan permasalahan moral, iaitu sesuatu yang didorong oleh ketidakpuasan rohani, malah terasa mencemar kesucian manusia. Dan sudah jelas bahawa apa yang diperlukan manusia adalah sesuatu kekuatan dalaman yang dapat melahirkan dimensi indah demi membantu mereka kembali semula mengenal diri sendiri, alam semesta dan Penciptanya.

Tiada siapa dapat menafikan bahawa ajaran-ajaran Islam itu sesungguhnya memberatkan aspek kerohanian bukan fizikal. Sepanjang kaitannya dengan tasawuf dan tariqah, tidak harus tradisi kerohanian itu diletak di suatu tempat terasing dari Islam kerana tasawuf itu adalah bahagian dari Islam sendiri. Keperluan manusia tetap tidak berubah kerana fitrah dan tabi'i manusia itu sendiri selamanya sama. Sayang sekali sekiranya kita hanya memikirkan pembangunan kebendaan dengan mengeneipkan peradaban dan akhlak mulia. Di sinilah masalah dasar yang dihadapkan Allah *swt* kepada kita sejak penciptaan Nabi Adam *as*. Runtuhnya umat bila turun dan jatuh akhlak dan hilang ketulusan dan kesucian hati. Sifat akhlak yang mulia dan jiwa yang ikhlas itulah modal besar bagi sesuatu umat yang hendak bangun yang mendorong kepada kesudahan yang mulia.

Ketahuilah, adalah rahsia sejarah bahawa tasawuf Islam itu sentiasa dan selamanya berjiwa dan menimbulkan keajaiban indah dan membina keperibadian Islam yang sebenar.

Apapun kesan perubahan yang dibawa oleh dunia kebendaan, ilham dari perkembangan tasawuf dan tariqah itu mempunyai

potensi yang kukuh untuk membangkitkan kuasa dan tenaga yang menghala ke arah reformasi akhlak dan sosial.

Dasar-dasar kerohanian itulah yang mempertahankan perkembangan tariqah hari ini. Malah manusia Barat sekarang ini sudah mula giat membuat penyelidikan tentang pergerakan tariqah. Malah mereka telah mula menerima hakikat bahawa pembangunan rohani itulah yang harus diutamakan demi mendidik manusia untuk mengendalikan kemajuan kebendaan. Buktinya jelas dengan pembiakan pergerakan tariqah di Eropah dan Amerika Syarikat.

Malangnya dunia Islam sendiri masih berselisih tentang kesucian tradisi tasawuf dan tarekat. Ini tidak dibantu dengan cara tariqah-tariqah itu bergerak dan tanggapan-tanggapan yang dibuat masyarakat darinya. Kita dapat mengenal pasti golongan tariqah tersebut seperti berikut:

- Pergerakan tariqah secara individu atau menyembunyikannya dari masyarakat sehingga boleh menimbulkan sangkaan-sangkaan yang tidak seharusnya timbul.
- Pergerakan berkumpulan yang kelihatan senang berinteraksi sesama ahli kumpulan dan tidak mahu berdakwah.
- Tariqah yang berjemaah dan mengutamakan perbincangan perkara-perkara mistik dan seakan-akan itulah tujuan pergerakan mereka.
- Kumpulan tariqah yang ahli-ahlinya menunjukkan kecenderungan berfikir bahawa tariqah merekalah yang terbaik.
- Kumpulan yang kewujudan dan tujuannya memberi keraguan kepada masyarakat, iaitu sama ada ia sebuah pergerakan tariqah atau tidak.
- Kumpulan tariqah yang terbuka dan memiliki wawasan dakwah.

Manusia akan cepat membuat kesimpulan negatif sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan oleh sesuatu kumpulan yang dikaitkan dengan pergerakan tariqah walaupun kumpulan itu hanya mengambil kesempatan dari kejahilan masyarakat.

Kejahilan yang tidak harus dimaafkan adalah yang terdapat di kalangan mereka yang bertariqah itu sendiri. Boleh dikatakan masih terdapat di kalangan pengikut tariqah yang enggan mempelajari dan mendalami ilmu tasawuf dan tariqahnya. Sifat yang sedemikian akan menimbulkan kejumudan dan kejahilan yang dikatakan terdapat pada orang-orang bertariqah. Pendirian tersebut akan membawa kepada suatu konsekuensi yang padah kerana mereka itu menutup kebenaran.

Imej kumpulan tariqah juga tidak dibantu oleh penentangan dari kalangan yang berilmu, dan mereka yang hanya mengutamakan pendidikan syari'at sahaja. Sebagai manusia yang berilmu, setidak-tidaknya mereka menyelidiki dahulu sesuatu bidang ilmu dengan sifat terbuka sebelum membuat sesuatu kesimpulan. Apalagi, kesimpulan yang berat sebelah yang dapat mengelirukan orang awam. Mungkin mereka harus bertafakur kerana sekiranya mereka tersalah menjatuhkan "hukum" mereka ditakuti telah melakukan sesuatu yang tidak adil terhadap diri mereka dan masyarakat.

Hambatan-hambatan tersebutlah yang menjadi penghalang besar perkembangan tariqah di masa kini.

Golongan tariqah berkepentingan melaksanakan tanggungjawab meningkatkan ilmu, terutama ilmu tasawuf dan tariqah, dan mendakwahkan tariqah mereka, sekiranya pergerakan ini mahu terus berkembang.

Sebagai murid-murid tariqah hendaklah kita mengambil contoh Rasulullah saw, para Sahabat dan ulama dalam rangka usaha meningkatkan ilmu. Harus dibuktikan bahawa golongan tariqah itu bergiat untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Tidaklah sekali-kali niat orang bertariqah itu

mengenepikan persoalan dunia. Yang dimaksudkan zuhud itu ialah jangan sampai tamadun kebendaan itu hinggap di hati. Ada hak kita di dunia ini dan kita harus mengambilnya untuk membantu kita memanfaatkannya di akhirat nanti.

Begitu juga para pemimpin tariqah seharusnya memiliki wawasan pendakwaan tariqah mereka. Setidak-tidaknya harus dihakis kesangsian, keraguan dan syak yang tersisip di hati masyarakat terhadap tariqah itu. Harus dihilangkan perasaan takut mereka dan salah anggapan bahawa tariqah itu sesuatu yang di luar Islam. Sudah sampai masanya usaha pendakwaan itu dihidupkan dan dipergiatkan. Penting juga diberitahu umum tujuan ikhlas dakwah dan bukan sekali-kali mahukan perbantahan dan perpecahan di kalangan umat.

Ahli tasawuf dan tariqah itu sentiasa hidup pada maqam ihsan, sentiasa mujahadah, muraqabah dan zikir setiap nafas. Adalah menjadi tanggungjawab keluarga besar tariqah untuk menunjukkan contoh kepimpinan yang berjiwa ikhlas dan suci. Kemelut dunia hari ini menekan manusia dan menghalang dari kebangkitan kepimpinan yang sedemikian. Perkisaran sejarah hari ini yang berlaku di hadapan mata kita sudah cukup sebagai persaksian bahawa pembangunan umat melalui tamadun kebendaan tanpa didokong oleh pembinaan rohani adalah perbuatan sia-sia yang terbesar.

Kandungan